

15/08/1999

Peluang rakyat melabur di Khabarovsky, Buryatia

KHABAROVSK: Melabur di republik dan wilayah autonomi Persekutuan Russia sememangnya dikatakan berisiko besar kerana dasar pentadbiran dan ekonomi serta percaturan politiknya yang tidak ketentuan.

Masih berimej komunis, kerenah birokrasi untuk keluar masuk, tidak banyak penerbangan terus dari negara Asia ke Wilayah dan republik itu serta beberapa pengalaman buruk pelabur asing lain di sana, ia menakutkan lagi orang Malaysia untuk merebut peluang berdagang di sini.

Khabarovsky dan Buryatia adalah asing bagi rakyat Malaysia. Mungkin kita hanya mula mengetahui Buryatia apabila presidennya, Leonid Vassilievich Potapov, melawat Kuala Lumpur, baru-baru ini. Bagi pelabur Malaysia, fakta ekonomi dan perdagangan di dua negara itu tidak pernah mahu diambil tahu walaupun ada Kedutaan Russia di Malaysia.

Namun, banyak pelabur negara lain terutama Korea, Jepun malah Singapura sudah melangkah jauh. Beberapa syarikat besar mereka sudah mencipta nama di Russia.

Tetapi sikap pelabur Malaysia untuk kekal `enggan menghidu' peluang itu tidak seharusnya berterusan. Walaupun sukar untuk membuat keputusan bila ketika dan masanya paling sesuai melabur di sana, segala persiapan mesti dibuat.

Di sebalik kegawatan politik yang berlaku di Russia dan pelabur Malaysia ketinggalan jauh berbanding pelabur Asia lain, usahawan kita tidak boleh memandang dingin peluang yang terbuka luas di Khabarovsky dan Buryatia.

Kumpulan Rimbunan Hijau hanya satu-satunya syarikat yang berani melabur di ibu kota Khabarovsky ini. Bermula dua tahun lalu, syarikat itu kini terbabit secara besar-besaran dalam kegiatan pembalakan dan perikanan di sini.

Dengan 400 pekerja termasuk 40 daripadanya warganegara Malaysia, Rimbunan Hijau sudah mula bertapak kukuh di Russia. Di Buryatia, tiada langsung syarikat kita yang berani bertapak.

"Buryatia adalah negara kaya dengan bahan galian. Sebut apa saja, semua jenis galian ada di sini. Malangnya pelabur kita tiada yang mahu menyertainya.

"Saya sendiri diberitahu bahawa kedatangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat dua negara ini amat ditunggu-tunggu oleh mereka sebagai usaha awal mempelawa pelabur Malaysia bergiat cergas di sini.

"Mereka yakin kedatangan Perdana Menteri akan mendorong minat pelabur kita untuk membuka langkah seterusnya," kata Duta Malaysia ke Russia, Datuk Yahya Baba, dalam pertemuan dengan wartawan Malaysia, kelmarin.

(END)